



Kerajaan Perpaduan di Sabah tak sukar untuk diterjemahkan

Oleh Nazura Ngah dan Farah Mashitah Abdul Patah - Januari 10, 2023 @ 5:24pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yakin pembentukan Kerajaan Perpaduan di Sabah seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak sukar untuk diterjemahkan.

Bagaimanapun Timbalan Perdana Menteri berkata soal penerimaan semua pihak adalah satu perkara yang harus disantuni terlebih dahulu.

Katanya, beliau dan Perdana Menteri bersetuju supaya perlu ada tempoh bertenang, namun dalam keadaan bertenang itu pun masih ada perkara yang berlaku.

Beliau yakin rakyat Sabah tidak mahukan Pilihan Raya Negeri (PRN) dalam keadaan tempoh masih berbaki dua hingga dua setengah tahun kerana ia sesuatu yang membebankan.

"Demokrasi bukan hanya tentang pilihan raya semata-mata (sebaliknya) kesepakatan antara parti-parti politik berhasrat beri kesejahteraan kepada rakyat harus diterjemahkan dan dilaksanakan.

"Maka saya harap pembangunan dan kebijakan serta kemudahan rakyat harus diberi keutamaan dan jika politik jadi agenda saya yakin soal yang saya katakan tidak dapat diberi keutamaan.

"Saya minta semua pihak berlapang dada dan berfikiran terbuka dengan hasrat Perdana Menteri untuk membentuk Kerajaan Perpaduan di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Sesi Sembang Santai Bersama Media Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di Menara Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata beliau dan Anwar sudah ke Sabah dan menyarankan beberapa formula untuk memberi penjelasan kepada masalah di Sabah.

Matlamat Perdana Menteri ialah menyarankan Kerajaan Perpaduan di negeri itu yang akan membabitkan semua pihak yang berada dalam Kerajaan Perpaduan di peringkat Pusat.

Perdana Menteri singgah di Sabah selepas lawatan rasmi ke Indonesia malam tadi bagi bertemu pemimpin Sabah berhubung usaha menyelesaikan kemelut politik Sabah yang tercetus sejak beberapa hari lalu.

Semalam, selepas pertemuan dengan pemimpin Gabungan Rakyat Sabah (GRS) di kediaman rasmi Datuk Seri Hajiji Noor, Anwar berkata, beliau merestui Hajiji terus memimpin Sabah.

Dalam perkembangan sama, Ahmad Zahid berkata beliau akan bertemu Pengurus Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin untuk membincangkan isu politik Sabah.